



NOTIS

PERKHIDMATAN PUSPAKOM MULAI 25 MEI 2021

SELARAS DENGAN SEKATAN TAMBAHAN PKP 3.0

Pelanggan Yang Dihormati,

Selaras dengan sekatan tambahan PKP 3.0 yang diumumkan oleh pihak Kerajaan yang berkuatkuasa mulai 25 Mei 2021, pihak PUSPAKOM akan mengurangkan jumlah kakitangan di cawangan mengikut kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor swasta di mana terhad kepada 60% sahaja pada satu-satu masa.

Sehubungan itu, pihak PUSPAKOM telah menetapkan pemeriksaan mengikut hari dan jenis pemeriksaan seperti jadual yang berikut:

Jadual Perkhidmatan Pemeriksaan PUSPAKOM mulai 25 Mei 2021 (tertakluk di Semenanjung Malaysia & Labuan sahaja)

NEGERI	WAKTU OPERASI	JENIS PEMERIKSAAN
Selangor WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Perak, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Pulau Pinang	Isnin – Jumaat 8.00 pagi – 5.30 petang	<ul style="list-style-type: none">• Berkala• Berkala Semula• Tukar Milik• Tukar Milik + Khas• Tukar Milik + Sewa Beli• Pemeriksaan Pihak Kerajaan (contoh: Pemeriksaan Asap Jabatan Alam Sekitar)• Kemalangan
	Sabtu 8.00 pagi – 5.30 petang	<ul style="list-style-type: none">• Awalan• Awalan Semula• Khas• Sewa Beli• Khas + Sewa Beli• Lain-lain (contoh: Pemeriksaan Sukarela)

NEGERI	WAKTU OPERASI	JENIS PEMERIKSAAN
Kelantan, Terengganu, Kedah Dan Johor	Ahad – Khamis 8.00 pagi – 5.30 petang	<ul style="list-style-type: none">• Berkala• Berkala Semula• Tukar Milik• Tukar Milik + Khas• Tukar Milik + Sewa Beli• Pemeriksaan Pihak Kerajaan (contoh: Pemeriksaan Asap Jabatan Alam Sekitar)• Kemalangan
	Sabtu 8.00 pagi – 5.30 petang	<ul style="list-style-type: none">• Awalan• Awalan Semula• Khas• Sewa Beli• Khas + Sewa Beli• Lain-lain (contoh: Pemeriksaan Sukarela)

Perhatian buat pelanggan yang telah lakukan temujanji pada Ahad - Jumaat bagi Pemeriksaan Awalan, Awalan Semula, Khas, Sewa Beli, Khas + Sewa Beli dan Lain-lain (seperti Pemeriksaan Sukarela)

- Sila hadir pemeriksaan pada hari Sabtu dengan membawa slip pengesahan temujanji yang telah dibuat
- Pembayaran perlu dilakukan untuk menjalani pemeriksaan secara walk-in
- Semua bayaran temujanji yang telah dibuat akan dikembalikan secara automatik

Pihak PUSPAKOM memohon agar semua pelanggan mematuhi temujanji yang telah dilakukan dan terus patuh kepada SOP yang ditetapkan oleh pihak KKM.

Segala kesulitan amatlah kami kesali.